

MENGEKANG PENDATANG KETIKA COVID-19

Maritim kita & pembolosan Pati

Bersama
Kept Prof Dr Zulkifly
Mat Radzi

Cabaran utama agensi penguat kuasa maritim adalah kekurangan aset untuk mengawasi sempadan maritim Malaysia di perairan wilayah, pelantar benua dan EEZ

Penularan Covid-19 adalah wabak penyakit yang paling berbahaya di seluruh dunia. Di Malaysia, wabak ini mendatangkan kesan serius terhadap kehidupan, kesejahteraan, dan kesihatan.

Penularan wabak ini bukan hanya terdeteksi di daratan, malah ia menular melalui pendatang asing tanpa izin (Pati) yang memasuki melalui sempadan maritim negara.

Persoalannya, bagaimanakah penularan wabak itu boleh berlaku melalui perairan maritim negara? Bagaimanakah Pati mampu membolosi sempadan negara walaupun pemantauan dan penguatkuasaan dilaksanakan oleh agensi maritim negara?

Apakah cabaran yang dihadapi oleh agensi maritim dan bagaimana pemantauan di sempadan maritim negara dapat diperkukuhkan untuk mengekang penularan Covid-19?

Kertas Putih Pertahanan yang diluluskan oleh Kerajaan Malaysia pada 2019 mengisytiharkan Malaysia sebagai negara maritim mengikut Undang-Undang Laut Antarabangsa UNCLOS 1982. Justeru, Malaysia berhak menuntut perairan wilayah sejauh 12 batu nautika, pelantar benua dan Zon Ekonomi Eksklusif (EEZ) sejauh 200 batu nautika.

Tuntutan itu dilakukan melalui penggabungan undang-undang maritim melalui Akta EEZ 1984, Akta Perikanan 1985 dan Akta Penguatkuasaan Maritim dan Penubuhan APM 2004. Dengan kewujudan akta itu agensi maritim seperti APM, TLDM, dan Cawangan Marin PDRM dapat menguatkuasa undang-undang maritim terutamanya di kawasan sempadan maritim negara.

Memandangkan sempadan maritim yang luas, masih terdapat Pati yang dapat memasuki di perairan Langkawi, Selat Melaka, Selat Johor, Pantai Timur, Sabah Timur, perairan Sarawak dan Laut China Selatan.

Di Langkawi, Pati dapat memasuki sempadan melalui perairan utara Langkawi sepanjang 70 batu nautika. Ia dipermudahkan dengan bantuan dan kemudahan jeti yang dibina oleh sindiket. Malah, anggaran Pati yang ditahan di kawasan itu sejak wabak Covid-19 adalah 2,401 warga Rohingya/Myanmar, 1,186 (Thailand), 323 (Nepal) dan 3,060

(Bangladesh).

Manakala, Selat Melaka, sempadan pesisiran pantainya sejauh 410 batu nautika dengan jarak terdekat antara perairan Pulau Besar, Melaka dan Pulau Rupat, Indonesia hanya 23 batu nautika.

Pendatang dapat memasuki sempadan di sepanjang pantai barat Semenanjung terutamanya di Perak, Selangor, Negeri Sembilan dan Johor. Anggaran Pati Indonesia yang memasuki melalui sempadan Selat Melaka seramai 7,018 pada 2020.

Manakala, di perairan pantai timur pula, pesisiran pantainya sejauh 340 batu nautika. Pati yang memasuki melalui perairan negeri Kelantan, Terengganu dan Pahang adalah 366 yang membabitkan pendatang dari Vietnam, Kemboja dan Thailand.

Di samping itu, wujud juga pencerobohan membabitkan nelayan asing dari Indo-China dan China di perairan pantai timur. Di sempadan Laut Sabah Timur pula, pesisir pantainya sejauh 320 batu nautika. Di kawasan ini terdapat kepulauan berdekatan seperti Kepulauan Tawi-Tawi, Filipina, Kepulauan di Lahad Datu, Semporna, Tawau, dan Sebatik, Indonesia.

Kedudukan kepulauan ini yang terlalu dekat dengan sempadan perairan Malaysia menyebabkan rondaan dan pengawasan sukar dilakukan dengan berkesan. Pada 2020, 1,478 Pati dari Filipina, Indonesia, dan kepulauan Sulu ditahan. Manakala, di Sarawak, Pati dari Indonesia memasuki melalui sempadan perairan dan

perbatasan Sarawak dan Kalimantan.

Selain itu, di Laut China Selatan, wujud perairan bertindih yang dituntut lima negara termasuk Malaysia, Vietnam, Brunei, Filipina dan China. Pencerobohan demi pencerobohan dilakukan oleh nelayan negara asing dari Vietnam, Filipina dan China terutama di kawasan tuntutan bertindih di Kepulauan Spratly.

Selain itu, terdapat juga Pati dari India seramai 1,095 orang, Pakistan (795) dan negara Arab 230 orang yang memasuki negara sepanjang musim Covid-19.

Dengan kehadiran Pati pada 2020 yang melebihi 17,000 orang, akan timbul persoalan mengapa begitu ramai Pati dapat memasuki sempadan negara terutama pada musim Covid-19?

Antara faktor utama adalah kedudukan Malaysia di tengah rantau Asia Tenggara dan terlindung daripada bencana alam. Malah, kemasukan Pati dipermudahkan dengan kewujudan sindiket dan tekong.

Jarak terlalu dekat dengan negara jiran hanya mengambil masa satu atau dua jam pelayaran, seperti sempadan perairan Langkawi, Selat Melaka, Selat Johor, Pantai Timur dan Sabah Timur.

Faktor ini menghadkan masa agensi maritim mengekang kemasukan Pati terutama pada waktu malam. Selain itu, terdapat pulau yang boleh dijadikan tempat persinggahan dan berlindung daripada agensi maritim sebelum Pati memasuki

sempadan Malaysia. Tidak dinafikan, Pati juga mendapat bantuan daripada saudara-mara atau sahabat di Malaysia.

Namun, cabaran utama yang dihadapi agensi penguatkuasaan maritim adalah kekurangan aset untuk mengawasi sempadan maritim Malaysia di perairan wilayah, pelantar benua dan EEZ berkeluasan 200,000 batu perigi.

Umpamanya, TLDM yang bertanggungjawab kepada pertahanan maritim negara perlu membantu aset APM yang tidak mampu mengawasi EEZ yang berkeluasan 200 batu nautika.

Malaysia terpaksa menanggung pembiayaan bekalan makanan, penginapan, pengangkutan, keselamatan dan keperluan lain untuk kelangsungan hidup Pati, sebelum mereka diusir keluar.

Sepanjang Covid-19, 31,282 diusir ke negara asal. Bagaimanapun, PKP sejak Mac 2020 menghadkan pergerakan Pati di sempadan maritim negara. Malah, Pati yang melintasi sempadan maritim dapat ditahan oleh agensi-agensi maritim.

Malaysia melaksanakan beberapa strategi dengan menubuhkan *National Task Force* di bawah Majlis Keselamatan Negara (MKN) bagi memperkukuh pengawasan di sempadan maritim negara.

Penulis Timbalan Ketua Kluster, Keselamatan dan Pertahanan, Akademi Profesor Malaysia (APM), Universiti Pertahanan Nasional Malaysia (UPNM)

dialog kotaraya oleh juragan

